

19 JANUARI 2018

Sindiket MLM edar dadah tumpas

DALAM NEGERI 7



MAZLAN Lazim menunjukkan dadah berperisa minuman dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur, semalam.

Sindiket MLM edar dadah tumpas

KUALA LUMPUR 18 Jan. - Polis mengesan sindiket pengedaran dadah beroperasi menggunakan sistem menyerupai Multi Level Marketing (MLM) dan aktif di Lembah Klang sejak setahun lalu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mazlan Lazim berkata, sindiket itu bagaimanapun dipercayai lumpuh ekoran penangkapan 'stokis' dan pengedar bergelar 'kumpulan CK' di Kuchai Lama dan Sunway Damansara, pada Isnin dan Selasa lalu.

Menurutnya, dalam dua serbuan itu, pihaknya merampas pelbagai jenis dadah bernilai lebih RM4 juta yang disyaki untuk diedarkan di pusat-pusat hiburan.

"Antara yang ditemukan adalah ekstasi seberat 51.6 kilogram (kg), ganja (14 gram), ketamin (473 gram) dan erimin 5 (223 gram)," katanya dalam sidang akhbar di sini

hari ini.

Menurutnya, kira-kira pukul 9.20 malam Isnin lalu, sepasukan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Kuala Lumpur menahan sepasang kekasih berusia 29 dan 30 tahun di Jalan Kuchai Maju 1, dekat sini.

"Pemeriksaan terhadap suspek menemukan ekstasi dan segugus kunci rumah yang membawa kepada penemuan 13.24 kilogram (kg) dadah pelbagai jenis di sebuah rumah di Taman Salak Selatan, di sini.

"Suspek juga membawa polis tempat mengambil 'stok' iaitu sebuah kondominium di Sunway Damansara, Petaling Jaya yang ketika serbuan seorang lagi suspek lelaki berusia 31 tahun sedang menjalankan aktiviti pembungkusan dadah," ujarnya.